



**MENU BERBUKA PUASA, MORE DAN SAHUR  
BULAN RAMADHAN 1432 H / 2011 M  
MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH**

HARI / MASA	BERBUKA ( Bungkus & Hidang ) Siap pada pukul 6.00 ptg	MORE ( Bufet & Hidang ) Siap pada pukul 9.00 malam	SAHUR ( Bufet & Hidang ) Siap pada pukul 4.00 pagi (Pengawal dibenar makan dahulu)
ISNIN	Nasi Putih, Ikan Merah masak kari, Udang Goreng Tepung 5 ekor, Sayur campur dan telur masin separuh.  3 biji tamar, 2 potong buah, nescafe 'O' panas dan air mineral botol (500ml)	Karipap , donat, teh susu dan air mineral (500ml)	Nasi Putih, Ayam masak merah, Bendi goreng telur, ikan kering separuh, sambal belacan, buah, kopi 'O' panas dan air suam
SELASA	Nasi Ayam & Kuih Seri Muka  3 biji tamar, 2 potong buah, teh 'O' panas dan air mineral botol (500ml)	Popia goreng , kuih ketayap, milo susu dan air mineral (500ml)	Nasi Putih, Ikan Kembung bersambal, sup cendawan, ½ telur masin, sambal belacan, nescafe 'O' panas dan air suam
RABU	Nasi Putih, Ayam lada hitam, Daging Masak lemak cili api, Kacang panjang tumis, telur masin separuh dan sambal belacan  3 biji tamar, 2 potong buah, teh 'O' panas dan air mineral botol (500ml)	Cucur badak, kaswi, teh O dan air mineral (500ml)	Nasi Putih, Ikan Selar 3 rasa, Tomyam campur, ikan masin, sambal belacan, kopi 'O' panas dan air suam

HARI / MASA	BERBUKA ( Bungkus & Hidang ) Siap pada pukul 6.00 ptg	MORE ( Bufet & Hidang ) Siap pada pukul 9.00 malam	SAHUR ( Bufet & Hidang ) Siap pada pukul 4.00 pagi (Pengawal dibenar makan dahulu)
KHAMIS	Nasi Putih, 5 ekor Udang 3 rasa , Ikan kerisi goreng, Tomyam campur, ½ telur masin dan sambal belacan.  3 biji tamar, 2 potong buah, teh 'O' panas dan air mineral botol (500ml)	Pulut panggang , kuih kasturi, milo susu dan air mineral (500ml)	Nasi Putih, Ayam masak kicap, Masak lemak pucuk manis dan keledak, ikan masin separuh, sambal belacan, buah teh 'O' panas dan air suam
JUMAAT	Nasi Tomato, Ayam masak merah, dalca, acar (timun, nanas, bawang dan cili) dan Kuih Cara Berlauk  3 biji tamar, 2 potong buah, nescafe 'O' panas dan air mineral botol (500ml)	Roti goreng inti sadin, cucur badak, kopi susu dan air mineral (500ml)	Nasi Putih, Kari Daging, Pajeri nenas, ½ telur masin dan sambal belacan., buah, kopi 'O' panas dan air suam
SABTU	Nasi Putih, Ikan Bawal 3 rasa, 10 ketul Rendang Kerang, Sayur campur( Kobis, lobak, jagung muda dan bunga kubis), ½ telur masin dan sambal.  3 biji tamar, 2 potong buah, teh 'O' panas dan air mineral botol (500ml)	Baulu kemboja , Tauhu sumbat, milo dan air mineral (500ml)	Nasi Putih, Ayam Goreng Berempah, tempe masak lemak cili api, ikan masin, sambal belacan, buah, teh 'O' panas dan air suam
AHAD	Nasi Ambeng, Ayam masak kicap, Mee goreng, tumis tempe dan sayur, ikan masin bulu ayam, serunding kelapa dan sambal belacan  3 biji tamar, 2 potong buah, soya ais dan air mineral botol (500ml)	Sandwic, Kaswi, nescafe susu dan air mineral (500ml)	Nasi putih, Ikan Kembung Masak Kicap, sambal kentang dan ikan bilis, ulam, sambal belacan, buah, kopi 'O' panas dan air suam.


## PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT MEMBEKAL.

### 1. BERBUKA

- a. Nasi, lauk , sayur, telur masin, ikan kering dan sambal belacan hendaklah dimasukkan dalam bekas pembungkus nasi
- b. Lauk yang berkuah dan sayur hendaklah dibungkus dalam plastik pembungkus.
- c. 3 biji tamar, 2 potong buah, minuman panas dan air mineral hendaklah dihidangkan pada setiap hidangan untuk 4 orang
- d. Nasi bungkus hendaklah diletakkan di setiap hidangan untuk 4 orang
- e. Hidangan hendaklah diletakkan di atas tikar yang telah disediakan
- f. Hidangan untuk 20 orang hendaklah disediakan secara hidang di Bilik VVIP dengan dua orang pelayan.
- g. Pemeriksaan akan dilakukan oleh petugas khas yang dilantik pada setiap hari berdasarkan jumlah tempahan dan mutu makanan sebelum dihidangkan
- h. Kuantiti makanan akan dimaklumkan oleh pihak pentadbiran masjid setiap hari.
- i. Pembekal hendaklah mengutip semua sampah dan membuangnya pada setiap hari.
- j. Wang Perkhidmatan Pembersihan adalah sebanyak RM 300.00 perlu dibayar kepada pihak Pejabat Pengurusan Harta MSSAAS
- k. 2 orang pembekal akan membekal setiap hari untuk 10 hari sahaja
- l. Jumlah tempahan setiap hari adalah 1000 unit. ( bergantung kepada tempahan )
- m. Pembekal tidak dibenarkan mengedar makanan kepada orang ramai kecuali mendapat kebenaran daripada petugas yang dilantik
- n. Semua makanan hendaklah sampai selewat-lewatnya jam 5.00 petang untuk diperiksa oleh Petugas Masjid bagi memastikan kuantiti dan kualiti yang dibekalkan oleh pembekal menepati syarat-syarat yang ditetapkan.
- o. Makanan hendaklah siap dihidangkan pukul 6.00 ptg setiap hari
- p. Semua arahan Petugas Masjid hendaklah dipatuhi oleh Pembekal yang dilantik

### 2. MOREH


- a. Dua ketul kuih tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam plastik pembungkus kuih yang bersesuaian.
- b. Saiz kuih mesti bersesuaian dengan saiz di pasaran.
- c. Air minuman panas dan air mineral hendaklah diletakkan dalam bekas dan menyediakan cawan pakai buang.
- d. Plastik sampah hendaklah disediakan oleh pembekal dan membuangnya pada setiap hari..
- e. Wang Perkhidmatan Pembersihan adalah sebanyak RM 300.00 perlu dibayar kepada pihak Pejabat Pengurusan Harta MSSAAS
- f. Hidangan untuk 30 orang hendaklah disediakan secara berhidang di bilik Imam dengan seorang pelayan.
- g. Pemeriksaan akan dilakukan oleh petugas khas yang dilantik pada setiap hari berdasarkan jumlah tempahan dan mutu makanan.



- h. Kuantiti makanan akan dimaklumkan oleh pihak pentadbiran masjid setiap hari.
- i. Pembekal hendaklah mengutip semua sampah dan membuang pada setiap hari.
- j. Seorang pembekal akan membekal setiap hari untuk 15 hari sahaja.
- k. Jumlah tempahan setiap hari adalah lebih kurang 800 unit ( bergantung kepada tempahan )
- l. Pembekal tidak dibenarkan mengedar makanan kepada orang ramai kecuali mendapat kebenaran daripada petugas yang dilantik.
- m. Makanan hendaklah siap dihidangkan pukul 9.00 malam setiap hari
- n. Makanan hanya boleh diedarkan apabila solat terawih telah sempurna 23 rakaat termasuk solat witr.
- o. Semua arahan Petugas Masjid hendaklah dipatuhi oleh Pembekal yang dilantik


### 3. SAHUR

- a. Makanan hendaklah dihidangkan secara bufet mengikut jumlah tempahan.
- b. Hidangan hendaklah disusun dalam 2 kaunter untuk lelaki dan 1 kaunter untuk wanita.
- c. Pembekal mesti menyediakan petugas dan mengisikan lauk dan sayur kepada jemaah.
- d. Kuantiti makanan akan dimaklumkan oleh pihak pentadbiran masjid setiap hari.
- e. Pembekal hendaklah mengutip semua sampah dan membuang pada setiap hari.
- f. Wang Perkhidmatan Pembersihan adalah sebanyak RM 300.00 perlu dibayar kepada pihak Pejabat Pengurusan Harta MSSAAS
- g. Seorang pembekal akan membekal setiap hari untuk 15 hari sahaja.
- h. Jumlah tempahan setiap hari adalah lebih kurang 500 unit. ( bergantung kepada tempahan )
- i. Pembekal tidak dibenarkan mengedar makanan kepada orang ramai kecuali mendapat kebenaran daripada petugas yang dilantik. Pemeriksaan akan dilakukan oleh petugas khas yang dilantik pada setiap hari berdasarkan jumlah tempahan dan mutu makanan.
- j. Makanan hendaklah siap dihidangkan pukul 4.00 pagi setiap hari
- k. Semua arahan Petugas Masjid hendaklah dipatuhi oleh Pembekal yang dilantik



#### 4. BUBUR LAMBUK

- a. Bubur lambuk perlu dimasukkan ke dalam bekas plastik yang bersesuaian. (*Container .16*)
- b. Sukatan bubur lambuk di dalam bekas mestilah tidak kurang dari  $\frac{3}{4}$  dari saiz bekas berkenaan.
- c. Bubur lambuk mestilah siap dimasak di premis pembekal dan dihantar di dalam bungkusan 10bekas dalam 1 karung plastik ke Masjid Negeri.
- d. Penghantaran mestilah sampai di Masjid Negeri selewat-lewatnya pukul 5.00 petang.
- e. Pembekal makanan perlu memberikan kerjasama kepada semua kakitangan Masjid Negeri.
- f. Pembekal tidak dibenarkan mengedar makanan kepada orang ramai kecuali mendapat kebenaran daripada Petugas Masjid yang dilantik.
- g. Makanan hendaklah siap dihidangkan pukul 6.00 ptg setiap hari
- h. Semua arahan Petugas Masjid hendaklah dipatuhi oleh Pembekal yang dilantik



## JADUAL TAWARAN HARGA

Bil.	Peralatan	Unit	Harga Seunit (RM)	Jumlah Harga (RM)
1.	Perkhidmatan Membekal Makanan Bermasak Islam di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Bagi Bulan Ramadhan 1432H-2011M – Sahur	500 x 15 hari		
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				

Jumlah Ringgit Malaysia

-----

-----

Jangkamasa Penghantaran : **15 Hari**

.....  
(Tandatangan Petender)

.....  
(Tandatangan Saksi)

.....  
(Nama Penuh Petender)

.....  
(Nama Penuh Saksi)

Tarikh : .....